

SOALAN NO: 370

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW

SOALAN:

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan bagi orang muda terutamanya graduan universiti di Sibu. Masalah Brain Drain di Sibu semakin serius, adakah Kementerian sedar tentang masalah ini.

PR-1331-T66198

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Salah satu objektif Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara. Bagi merealisasikan objektif ini salah satu peranan yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah pendaftaran dan penempatan pencari kerja, selain dari memberi bimbingan kerjaya

kepada pencari kerja yang memerlukan.

2. Bagi memastikan peluang pekerjaan tersedia kepada pencari kerja, pelbagai usaha diambil oleh JTK seperti berikut;

i. Mengadakan lawatan guna tenaga ke tempat pekerjaan swasta bagi tujuan untuk mendapatkan kerjasama penempatan pencari kerja di syarikat swasta. Syarikat / majikan akan memaklumkan jabatan mengenai kekosongan jawatan untuk diisi dari masa ke semasa. Manakala jabatan akan menyediakan calon pencari kerja yang bersesuaian untuk ditemuduga oleh majikan bagi tujuan pengisian jawatan tersebut. Pada tahun 2014 sebanyak dua ribu, enam ratus enam puluh tujuh (2,667) syarikat telah bekerjasama dengan JTK Sarawak dalam program tersebut. Di Bahagian Sibu sebanyak tiga ratus dua belas (312) syarikat telah berdaftar untruk program tersebut

ii. Bagi tujuan membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan, promosi giat diadakan bagi menggalakkan mereka mendaftar dengan Pejabat Tenaga Kerja terdekat sebagai calon pekerja. Ini bagi tujuan pepadanan jawatan kosong yang dilaporkan oleh syarikat/majikan. Mana-mana pencari kerja boleh berkunjung ke Pejabat Tenaga Kerja atau ke Pusat *Jobsmalaysia* pada bila-bila masa waktu pejabat bagi tujuan mendaftar dan mencari jawatan kosong yang bersesuaian.

3. Pada tahun 2014 sebanyak lapan puluh satu ribu dan tujuh puluh tiga (81,073) jawatan kosong telah didaftarkan dimana satu ribu, dua ratus lapan puluh empat (1,284) jawatan untuk graduan dan

enam puluh sembilan ribu, tujuh ratus lapan puluh Sembilan (69,789) jawatan untuk bukan graduan. Di samping itu, seramai tiga puluh satu ribu, tiga ratus empat puluh satu (31,341) pencari kerja telah didaftarkan di seluruh Sarawak dimana sebelas ribu, empat ratus sebelas (11,411) merupakan graduan dan sembilan belas ribu, sembilan ratus tiga puluh (19,930) bukan graduan. Seramai lapan ribu, Sembilan ratus tiga puluh enam (8,936) pencari kerja yang terdiri daripada satu ribu, tujuh ratus lima puluh satu (1,751) graduan dan tujuh ribu, satu ratus lapan puluh lima (7,185) bukan graduan pencari kerja ini telah memilih jawatan kosong yang didaftarkan dan telah mendapat pekerjaan.

4. Bagi Bahagian Sibuan, sebanyak empat ribu, lima ratus dan empat puluh lapan (4,548) jawatan kosong telah didaftarkan dan seramai satu ribu, tiga ratus lapan belas (1,318) pencari kerja berdaftar. Dari jumlah ini seramai tujuh ratus Sembilan puluh enam (796) pencari kerja yang terdiri daripada Sembilan puluh empat (94) graduan dan tujuh ratus lima puluh enam (756) bukan graduan telah memilih jawatan kosong yang didaftarkan dan telah ditempatkan ke dalam pekerjaan yang dipilih oleh mereka.

5. Bagi memudahkan pendaftaran pencari kerja dan pendaftaran jawatan kosong yang ada oleh majikan, satu sistem atas talian juga telah diwujudkan. Sistem ini boleh diakses sebagai nama portal '[Jobsmalaysia.gov.my](http://Jobsmalaysia.gov.my)'. *Jobsmalaysia* adalah satu sistem penjadualan pekerjaan atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan ia memberi kemudahan kepada pencari kerja

untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian. Majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Menerusi sistem ini juga pencari kerja boleh membuat permohonan pekerjaan dan majikan boleh menguruskan permohonan pekerjaan yang diterima. Semua kemudahan yang disediakan ini tidak dikenakan bayaran. Selain itu sistem ini juga meningkatkan mobiliti tenaga kerja negara dan untuk memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang lebih sistematik.

6. Sebagai pemudahcara untuk pencari kerja mendapatkan peluang pekerjaan, jabatan juga menyediakan fasiliti temuduga terbuka yang boleh digunakan di mana-mana Pejabat Tenaga Kerja di seluruh Negeri Sarawak.

7. Disamping itu jabatan Tenaga Kerja Sarawak juga kerap kali mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) di mana ia merupakan '*one stop centre*' untuk pencari kerja untuk mendapatkan maklumat jawatan kosong yang diminati sekaligus menghadiri temuduga oleh majikan yang menawarkan jawatan kosong tersebut sewaktu program tersebut berlangsung. Pada tahun 2014 sebanyak empat puluh lima (45) Program Penempatan Pekerjaan (3P) telah diadakan di seluruh Sarawak dan seramai empat ribu, lapan ratus lima puluh dua (4,852) pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program tersebut. Sebanyak tiga (3) program telah diadakan di Bahagian Sibu sepanjang tahun 2014 dan lima ratus limapuluh tiga (553) pencari kerja mendapat pekerjaan melalui

program tersebut.

8. Pada tahun 2014, secara keseluruhan di Sarawak, seramai sebelas ribu, dua ratus dua puluh empat (11,241) orang pencari kerja telah mendapatkan pekerjaan melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, manakala di Sibu seramai satu ribu, tiga ratus empat puluh Sembilan (1,349) orang pencari kerja mendapat pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

9. Masalah *Brain Drain* bukan sahaja berlaku di Sibu tetapi juga berlaku di tempat-tempat yang lain. Ini kerana pencari pekerja yang memiliki kepakaran dan kemahiran serta kelulusan yang tinggi akan berusaha mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran mereka dan mendapatkan gaji yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran tersebut dan sekiranya para majikan di Sibu gagal menawarkan peluang-peluang pekerjaan serta gaji yang sesuai, sudah tentu mereka berhijrah ke tempat lain yang ada peluang pekerjaan yang sesuai dengan kepakaran dan kemahiran mereka.